

16 NOV 2003

Nik Aziz-Dokumen

NIK AZIZ CADANG PRESIDEN PARTI POLITIK BERBINCANG DENGAN HADI

KOTA BAHARU, 16 Nov (Bernama) -- Mursyidul Am Pas Datuk Nik Abdul Aziz Nik Mat mencadangkan agar presiden parti-parti politik di Malaysia berbincang dengan Presiden Pas Datuk Seri Abdul Hadi Awang mengenai Dokumen Negara Islam yang dilancarkan parti itu pada 12 Nov lepas.

Beliau berkata perbincangan adalah jalan terbaik daripada mana-mana pihak mengheboh-hebohkan perkara itu termasuk melalui surat khabar yang boleh menimbulkan kebimbangan atau rasa gerun rakyat terhadap negara Islam yang dihasratkan Pas.

"Kami letak Presiden parti kami (Abdul Hadi), parti Umno panggil pemangku Presidennya (Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi), parti Gerakan bawa Presidennya (Datuk Seri Dr Lim Keng Yaik), MCA bawa Presidennya (Datuk Seri Ong Ka Ting) dan parti-parti lain bawa presiden masing-masing, kita bincang baru gentleman, cakap seorang diri tak gentleman," katanya di sini, hari ini.

Nik Aziz yang juga Menteri Besar Kelantan berkata demikian ketika diminta mengulas kritikan pelbagai pihak berhubung Dokumen Negara Islam yang dilancarkan parti itu baru-baru ini.

"Jangan sekali-kali hantar wakil, biar presiden parti yang hadir kerana presiden perlu memikul tanggungjawab menguruskan harta, negara dan rakyat," katanya.

Mengenai dakwaan kebanyakan perkara yang terkandung dalam dokumen itu sudah dilaksanakan oleh kerajaan Barisan Nasional (BN), Nik Aziz berkata walaupun ada yang sama, Pas tidak tiru kerana dasar perjuangan kedua-dua parti adalah berlainan.

Ditanya kenyataan Tun Dr Mahathir Mohamad semalam bahawa beliau (Nik Aziz) sememangnya suka berbohong apabila setiap kata-katanya pasti mempunyai niat yang lain, Nik Aziz berkata nampaknya bekas Perdana Menteri itu tidak gentleman, tidak boleh sentuh sikit sudah marah.

Katanya beliau tidak pernah melenting atau marah walaupun kadangkala kenyataan Dr Mahathir menghiris perasaannya.

"Jadi kalau saya bertindak sedikit, buat perangkap supaya beliau letak jawatan apa susahnyanya, saya orang politik, beliau orang politik, nak main politik tak boleh melenting begitu," katanya.

Nik Aziz sebelum ini berkata Pas tidak berasa bersalah membuat kenyataan bahawa Dr Mahathir bersandiwara berhubung hasratnya melepaskan jawatan Perdana Menteri kerana itu adalah satu taktik untuk memaksa beliau meletak jawatan.

Beliau mendakwa jika Pas tidak membesarkan isu itu, Dr Mahathir akan mengubah keputusannya untuk tidak bersara.

-- BERNAMA

BD BK